| KANDUNGAN DAN SUSUNAN KATA | PANDUAN PENGGUNAAN |
|---|---|
| C. Kandungan Notis (Samb.) | |
| (c) Para 2, ayat pertama | |
| Perlakuan tuan sedemikian sangatlah mendukacitakan. Perlakuan tuan bukan sahaja akan/telah melewatkan penyiapkan kerja ini tetapi juga akan/telah mengakibatkan kesusahan kepada orang ramai. | Ayat ini adalah perlu untuk menarik perhatian Kontraktor terhadap tanggungjawabnya bukan sahaja kepada Jabatan Kerja Raya tetapi kepada orang ramai. Potong "akan" atau "telah" mengikut mana yang sesuai. |
| (d) Para 3, ayat pertama<br>Tuan adalah dikehendaki<br>*________________________ | |
| *i) mengemukakan nota-nota liputan berserta resit-resit premium bagi maksud polisi-polisi insurans dan memulakan kerja, | Nyatakan kegagalan Kontraktor yang sesuai. Di mana Kontraktor gagal di dalam kes (i) dan (ii), tambah perkataan "dan juga" selepas (i). |
| *ii) memulakan kerja, | |
| *iii) menjalankan kerja tuan dengan lebih cergas lagi, | |
| *iv) memulakan kerja tuan semula. | |
| *v) menjalankan kerja tuan sejajar dengan obligasi kontrak ini. | |
| *vi) membaiki semula kerja-kerja cacat tersebut / menggantikan bahan / barangan yang tidak sesuai tersebut. | |
| (e) Para 3, ayat kedua<br>Sekiranya tuan gagal mematuhi kehendak perenggan ini dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan Notis ini atau di dalam tempoh yang munasabah, pengambilan kerja tuan di bawah Kontrak ini akan ditamatkan sejajar dengan Fasal 51 Syarat-syarat Kontrak. | |